## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
## JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
## BERITA PERIKANAN HARI INI

**28 Januari 2024**
**16 Rejab 1445H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • |
| Kosmo | • Penternak ikan rugi, sangkar patin musnah akibat banjir |
| Sinar Harian | • |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| Harakah | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernama | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

[redacted]

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | / | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN | POSITIF | | NEGATIF | / | NEUTRAL | | | 13 | 28.01.24 |

# Penternak ikan rugi, sangkar patin musnah akibat banjir

**JERANTUT** – Seorang penternak ikan sangkar, Mohd Zaimi Ali, 53, mengalami kerugian kira-kira RM14,000 apabila sangkar ikan patin dan tilapia yang diusahakannya musnah susulan kejadian banjir di Kampung Bantal, Ulu Tembeling di sini.

Mohd Zaimi berkata, dia mula mengisi sebanyak 1,200 benih ikan pada tahun lalu ke dalam sangkar berkenaan dan ikan dijangka matang dan boleh dipasarkan pada bulan Ramadan ini.

"Saya mula mengusahakan ternakan lapan buah sangkar ikan patin dan tilapia secara berperingkat pada bulan April tahun lalu dengan harapan untuk memasarkan ikan ini mulai bulan Ramadan ini.

"Kenaikan air Sungai Tembeling naik mendadak sehingga menenggelamkan beberapa premis di dataran kampung ini kelmarin menyebabkan saya tidak sempat turun memeriksa kawasan ternakan ikan sangkar di sungai tersebut.

"Apabila banjir mulai surut hari ini (semalam), saya turun periksa sangkar dan terkejut apabila sebuah daripada lapan sangkar telah dihanyutkan air dan tenggelam," katanya di Kampung Bantal, Ulu Tembeling dekat sini hari ini.

Menurut Mohd Zaimi, dia juga mendapati kedudukan tujuh buah sangkar lagi tidak teratur apabila dilanggar kayu balak reput dan arus sungai yang deras.

"Saya dengan bantuan rakan terus menarik sangkar yang terselamat ke tebing dan ditambat kemas pada pokok besar sambil cuba mencari sebuah lagi sekiranya tersangkut di pokok tepi sungai, tetapi malangnya tidak ditemukan dipercayai tenggelam.

"Saya anggarkan sebanyak 1,200 benih patin dan ikan tilapia yang sudah besar dan matang cuma menunggu Ramadan untuk dijual," jelasnya.



**MOHD. ZAIMI (kanan) dibantu rakannya menarik sebuah sangkar ikan ke tebing di Sungai Tembeling di Jerantut semalam.**